

# Pendapatan isi rumah meningkat

Foto: KHIRU SHALEH ABDULLAH

**KOTA BHARU** - Walaupun lebih rendah berbanding negeri lain, namun pendapatan isi rumah di Kelantan semakin meningkat dan kini pada tahap sederhana.


Ketua Perangkawan Malaysia, Dr Abd Rahman Hasan berkata, berdasarkan statistik Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2012 (PPIR 2012), purata pendapatan isi rumah di negeri ini meningkat dari pada RM2,536 kepada RM3,168 dengan peningkatan pertumbuhan sebanyak 7.4 peratus berbanding 2009.

"Pada 2012, kami selesai melaksanakan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan rumusan di peringkat nasional mendapat terdapat peningkatan iaitu kepada RM5,000 berbanding RM4,025 pada 2009, dengan catatan pertumbuhan tahunan sekitar 7.2 peratus.

"Bagi Kelantan khususnya, hasil kajian ini mendapat purata pendapatan isi rumah telah meningkat dari RM2,536 kepada RM3,168 dengan peningkatan pertumbuhan 7.4 peratus berbanding 2009," katanya ketika menghadiri Sesi Interaktif Bersama Responden 2013 di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Perangkaan Malaysia Kelantan, Ab Rahman Mohamad.

Abdul Rahman berkata, paras kemiskinan pula berkurangan kepada 2.7 peratus berbanding 4.8 peratus, manakala kemiskinan tegar



Abd Rahman ketika melihat buku yang dipamerkan di Sesi Interaktif Bersama Responden 2013, semalam.

menunjukkan Kelantan mencatatkan penurunan daripada 1.0 kepada 0.3 peratus pada 2009.

Mengulas lanjut, Abdul Rahman berkata, tahun depan pihaknya akan melaksanakan Penyiasatan Pendapatan Perbelanjaan Isi Rumah, yang mana rumah terpilih perlu merekodkan jumlah perbelanjaan mereka setiap hari dan akan melibatkan 70,000 isi rumah.

Dalam perkembangan lain,

mengulas penglibatan golongan wanita dalam lapangan pekerjaan, Abdul Rahman berkata, penyertaannya masih rendah sekitar 49 peratus berbanding negara lain.

"Faktor keluarga mungkin antara yang mempengaruhi peratus penglibatan golongan wanita sebagai tenaga buruh di negara ini, walaupun ramai yang terpelajar dan mempunyai kelayakan untuk bersaing dalam industri pekerjaan," katanya.